

13 MAR 2003
ANUGERAH-PM/I
ANUGERAH BUNGA RAYA PM TARIK 42 PENYERTAAN

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri bagi 2002/03, menyaksikan 42 perusahaan mendaftar untuk menyertai di dalam anugerah alam sekitar swasta perdana itu bagi perniagaan dan industri di Malaysia.

Daripada peserta-peserta itu, 31 adalah syarikat-syarikat besar dan 11 adalah syarikat kecil dan sederhana (SKS), terutamanya daripada sektor-sektor elektrik dan elektronik, petroleum dan petrokimia, hotel dan pusat riadah dan kimia.

Satu kenyataan berkata hari ini bahawa bagi Anugerah 2002/03 semasa dan bagi kali pertama sejak kewujudan anugerah itu pada 1996, pengiktirafan sewajarnya akan diberi secara terbuka kepada peserta-peserta SKS dengan markah terbaik di kalangan SKS.

Ini adalah kerana penganjur bersama ingin membina keyakinan SKS (berbanding syarikat-syarikat besar) dalam berurusan dengan alam sekitar, katanya.

Semua syarikat, bagaimanapun, akan diadili pada asas-asas yang sama ketat. Akan terdapat juga anugerah berasingan bagi kerajaan-kerajaan negeri yang menyertai.

Kenyataan itu berkata setengah daripada peserta-peserta adalah daripada negeri-negeri perindustrian lebih maju seperti Selangor, Pulau Pinang, Johor, dengan selebihnya datang daripada negeri-negeri lain.

Malangnya, tiada penyertaan dari Kelantan.

Memandangkan anugerah itu dijalankan pada asas bukan untuk keuntungan, penganjur-penganjur bersama berterima kasih kepada penaja-penaja antaranya Percetakan Nasional Malaysia Bhd, Shiriro Paper (M) Sdn Bhd, Nestle (M) Bhd, HSBC Bank, ExxonMobil Exploration dan Production Malaysia Inc., Golden Hope Plantation dan Fairchild Semiconductor (M) Sdn Bhd.

Upacara penyampaian anugerah dijadual pada Disember tahun ini. Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah

diundang untuk menyampaikan anugerah-anugerah berkenaan.

Penganjur-penganjur bersama adalah Majlis Perniagaan bagi
Pembangunan

Mapan (BCSDM), Persatuan Pengurusan dan Penyelidikan Alam Sekitar
Malaysia

(ENSEARCH), Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dan Dewan
Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI). --

BERNAMA

SM KTC OS